

Pengetahuan Pedagogi Pengajaran Fiqh Dalam Kalangan Guru-Guru Uagama Di Negara Brunei Darussalam

Siti Astri Hj Moxsin, Muhamad Zahiri Awang Mat dan Hjh Norwati Hj Abu Bakar

Abstract – Pedagogical knowledge is an important component of the pedagogical content knowledge Teacher's knowledge about pedagogy can help them to plan and teach effectively. Therefore, this study aims to identify the level of pedagogical knowledge among teacher consisting of general pedagogy and specific pedagogy of the teaching of Fiqh among religious teachers in Brunei Darussalam. The implementation of this study is carried out by survey study using questionnaire instruments to collect data. The respondents involved were 469 Primary IV, V and VI teachers. The pilot study found that the reliability value of instruments for the construct of general pedagogical knowledge was 0.957 and the construct of specialized pedagogical knowledge was 0.949. The data was analyzed descriptively to obtain frequency, percentage, mean, and standard deviation. Overall, the level of knowledge of the construct of general pedagogical knowledge acquires the value of Min 4.10, SD 0.43. While constructs of specialized pedagogical knowledge acquired a Min value of 3.99, SD 0.46. In conclusion, the level of knowledge of the pedagogical teacher in general and specifically is at a good level. Based on the pedagogical knowledge possessed by teachers, enabled them to carry out the teaching of Fiqh easily and smoothly. Religious teachers are also advised to constantly improve the pedagogical knowledge in teaching Fiqh from time to time so that they can effectively carry out their teaching and achieve the desired objectives of the teaching and learning of Fiqh.

Keywords – General Pedagogical Knowledge, Specialized Pedagogical Knowledge, Islamic Education, Fiqh Teaching

Abstrak – Pengetahuan pedagogi adalah satu komponen penting di dalam pengetahuan pedagogikal kandungan. Pengetahuan guru terhadap pedagogi dapat membantu mereka untuk merangka dan melaksanakan pengajaran dengan baik. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi terdiri daripada pedagogi am dan pedagogi khusus pengajaran Fiqh dalam kalangan guru-guru uagama di Negara Brunei Darussalam. Pelaksanaan kajian ini dijalankan secara kajian tinjauan menggunakan instrumen soal selidik untuk mengumpul data. Responden yang terlibat adalah seramai 469 orang guru Darjah IV, V, dan VI. Kajian rintis mendapati nilai kebolehpercayaan instrumen bagi konstruk pengetahuan pedagogi am ialah sebanyak 0.957 dan konstruk pengetahuan pedagogi khusus ialah 0.949. Data kajian dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai. Keseluruhannya, tahap pengetahuan bagi konstruk pengetahuan pedagogi am memperoleh nilai Min 4.10, SP 0.43. Sementara konstruk pengetahuan pedagogi khusus memperoleh nilai Min sebanyak 3.99, SP 0.46 Kesimpulannya, tahap pengetahuan pedagogi guru secara am dan khusus adalah berada pada tahap baik. Berdasarkan pengetahuan pedagogi yang dimiliki oleh guru telah membolehkan mereka dapat melaksanakan pengajaran Fiqh dengan mudah dan lancar. Guru-guru uagama juga disarankan agar sentiasa meningkatkan pengetahuan pedagogi pengajaran Fiqh dari semasa ke semasa agar mereka dapat melaksanakan

pengajarannya dengan berkesan dan mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran Fiqh yang ditetapkan.

Kata Kunci – Pengetahuan Pedagogi Am, Pengetahuan Pedagogi Khusus, Pendidikan Islam, Pengajaran Fiqh

I. PENGENALAN

Guru merupakan tunjang kepada sistem pendidikan dan mereka merupakan pemegang amanah sebagai pelaksana kurikulum di sekolah. Oleh itu, di sekolah mereka dianggap sebagai ejen utama untuk menyalurkan ilmu dan kemahiran kepada murid. Antara kompetensi yang harus dimiliki guru antara lainnya ialah memiliki pengetahuan.

Pengetahuan pedagogi adalah merupakan salah satu komponen pengetahuan yang terkandung di dalam pengetahuan pedagogikal kandungan. Pengetahuan ini mula diperkenalkan oleh Shulman sekitar tahun 1980'an. Beliau menjelaskan bahawa pengetahuan pedagogikal kandungan ialah sejenis pengetahuan unik seorang guru mengaitkan pengetahuan cara mengajar (pedagogi) dan dan pengetahuan apa yang diajar (isi kandungan) kepada murid agar mudah difahami oleh mereka (Shulman, 1987). Aspek yang terangkum dalam pengetahuan pedagogikal kandungan ialah merangkumi aspek penyampaian satu idea, melakukan analogi, mengilustrasi, dan membuat satu cara penyampaian suatu subjek sehingga benar-benar difahami oleh murid (Shulman, 1986). Oleh itu, Shulman ada menggariskan tujuh komponen pengetahuan yang harus dimiliki oleh seorang guru antara lainnya ialah guru perlu memiliki pengetahuan pedagogi.

Pengetahuan pedagogi ini ianya berkaitan dengan pengetahuan guru mencipta dan menyediakan suasana pengajaran yang efektif di dalam bilik darjah merangkumi aspek perancangan, penyediaan, pengurusan bilik darjah, menentukan strategi dan kaedah pengajaran yang sesuai, penggunaan alat bantu mengajar, melaksanakan penilaian dan melakukan refleksi terhadap hasil pengajaran mereka. Guru yang baik ada kaitannya dengan memiliki dan menguasai pengetahuan pedagogi dan pengetahuan ini dianggap penting bagi seorang guru (W. Setyaningrum et al., 2018; Norsalawati et al., 2017; Widi et al., 2014; Palanisamy & Marzita, 2014).

Namun mutakhir ini, guru-guru uagama juga tidak ketinggalan menghadapi pelbagai cabaran dalam mencorak pengajaran yang baik. Terdapat beberapa hal yang menjadi cabaran kepada guru-guru uagama dalam melaksanakan pengajaran dengan baik antaranya disebabkan tanggungjawab mereka yang sebahagiannya ada yang mengajar keseluruhan mata pelajaran bagi satu peringkat seperti juga mengajar mata pelajaran Tarikh, Tajwid, al-Quran, Tauhid selain mata pelajaran Fiqh. Sementara aspek peruntukan masa mengajar mata pelajaran Fiqh diberikan

antara satu hingga tiga period dan setiap satu period memiliki 25-30 minit mengajar.

Dengan yang demikian, jumlah peruntukan period dan masa yang dilihat agak terhad serta kepelbagaian ilmu yang diajar setentunya memerlukan usaha dan kemahiran yang tinggi guru-guru agama dalam membentuk dan mencorak pengajaran Fiqh yang lebih berkesan agar matlamat dan objektif yang disasarkan dapat dicapai. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan pedagogi pengajaran Fiqh dalam kalangan guru-guru agama di keempat-empat daerah iaitu Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Daerah Temburong, dan Kuala Belait.

II. PENYATAAN MASALAH

Isu yang berbangkit dalam kajian ini adalah guru-guru di sekolah menghadapi pelbagai cabaran dalam mencorak pengajaran yang berkesan dan berkualiti. Tidak ketinggalan guru-guru di sekolah agama juga menghadapi cabaran demikian.

Berdasarkan analisis sukatan pelajaran Fiqh di sekolah-sekolah agama Brunei bagi peringkat rendah atas dari Darjah IV hingga Darjah VI, tajuk-tajuk seperti Taharah, Solat, Shiam, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat, dan Jenayat termasuk di dalam kurikulum mata pelajaran Fiqh (Sukatan Pelajaran Sekolah-Sekolah Agama, 2019). Majoriti guru-guru agama akan mengajar antara tiga hingga enam mata sub mata pelajaran Fiqh bagi satu peringkat darjah. Sementara period yang diperuntukan untuk mengajar ialah antara satu hingga tiga period. Satu period mengandungi 30 minit bagi sesi pagi dan 25 minit bagi sesi petang.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepadatan sukatan pelajaran dan jumlah period mengajar yang agak terhad ini menjadi cabaran kepada guru dan telah mempengaruhi corak amalan pengajaran mereka di dalam bilik darjah (Norainah, 2012; Noraini, 2011). Hal demikian telah menyebabkan mereka kurang memvariasikan kaedah pengajaran (Norainah, 2012; Norsiah, 2009) dan lebih selesa menggunakan kaedah tradisional (Norsiah, 2009) seperti kaedah ceramah, syarahan, kuliah sebagai saluran untuk menyampaikan maklumat. Oleh kerana itu, tindakan-tindakan tersebut telah mengakibatkan hasil pengajaran guru menjadi kurang berkesan, tidak dapat mencapai objektif pembelajaran yang disasarkan (Norainah, 2012), dan juga penglibatan murid semasa dalam aktiviti pengajaran serta pembelajaran adalah terhad (Norsiah, 2009).

Sementara berdasarkan kajian-kajian lepas berkaitan mata pelajaran Fiqh ini lebih menumpukan kepada pengaplikasian kaedah seperti kaedah perbincangan (Shahrul Anuar, 2013), demonstrasi (Johar, 2014), kaedah Mnemonic dengan program Prezi dalam pengajaran (Zeti Yusmira, 2014) dan pengajaran berasaskan masalah (Jamaluddin, 2014). Selain itu, kajian terhadap keberkesanan penggunaan PowerPoint di dalam pengajaran Fiqh telah dilaksanakan oleh Norsiah (2012) dan Siti Astri (2016). Antara elemen yang menjadi fokus dalam kajian mereka ialah melihat kepada perubahan sikap dan perspektif murid terhadap keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran dan PowerPoint di dalam bilik darjah.

Oleh yang demikian, perlunya ada kajian secara komprehensif juga dilakukan dengan mengambil kira aspek

kajian mengukur tahap pengetahuan pedagogi guru agar hasil kajian ini dapat didokumentasikan dalam merangka amalan-amalan pengajaran Fiqh kalangan guru-guru di sekolah agama. Hal ini juga mengambil kira keperluan negara untuk merealisasikan dan menyahut Titah Kebawah Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalk Bolkiah Mu'izzadin Wadaullah Ibn Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddein Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Majlis Musabaqah Membaca al-Qur'an Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan pada 11 Jamadilakhir 1438 Hijrah bersamaan 9 Mac 2017 Masehi (Himpunan Titah 2017) kira-kira titah Baginda:

Guru dan sistem ibarat 'acuan' sementara murid dan pelajar adalah hasil daripada acuan itu, Kalau acuan bagus, tentu saja, apa yang terhasil akan pasti bagus juga.

III. KAJIAN LITERATUR

Kedudukan guru adalah dipandang tinggi dan mulia di sisi Islam (Muhamad Zahiri et al., 2011). Hal demikian adalah disebabkan tugas dan tanggungjawab yang mereka galas dalam menyampaikan ilmu pengetahuan kepada murid (Ismail Abbas, 2020; Norhaslina et al., 2018; Ahmad Tafsir, 2012; Ab. Halim Tamuri & Khairul Azman, 2010). Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam pernah bersabda dalam sebuah hadith Riwayat Tirmidzi,

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ الْأَعْلَى الصَّنَعَانِيُّ : حَدَّثَنَا سَلْمَةُ بْنُ رَجَاءٍ : حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ بْنُ جَمِيلٍ : حَدَّثَنَا الْقَاسِمُ أَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ أَبِي أَمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ قَالَ : ذَكَرَ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَجُلَانِ : أَحَدُهُمَا عَبْدٌ وَالْآخَرُ عَالِمٌ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : فَضَّلْتُ الْعَالِمَ عَلَى الْعَابِدِ كَفَضَّلْتُ عَلَى أَدْنَاكُمْ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ وَأَهْلَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِينَ حَتَّى الثَّمَلَةَ فِي جُحْرِهَا وَحَتَّى الْحُوتَ لِيُصَلُّوا عَلَى مُعَلِّمِ النَّاسِ الْخَيْرِ

Maksudnya: "Muhammad bin Abdul A'la Ash-Shan'ani menceritakan kepada kami, Salamah bin Raja' menceritakan kepada kami, Al Walid bin Jamil menceritakan kepada kami, dari Abu Umamah Al-Bahili, ia berkata, "Rasulullah pernah diceritakan tentang dua orang, yang satu adalah seorang 'ibadah sedangkan yang lain adalah orang yang berilmu". Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam melanjutkan, 'Sesungguhnya Allah, para malaikat, penghuni langit dan bumi, hingga semut yang ada di lubang sarangnya dan ikan paus akan berselawat atas orang yang mengajarkan kebaikan kepada manusia'.

Di sisi lain, guru bukan hanya setakat mengajar, malahan mereka juga bertanggungjawab untuk mengembangkan potensi murid (Ab. Halim Tamuri & Khairul Azman, 2010) dan membentuk akhlak murid yang diajar (Norhaslina et al., 2018; Ab. Halim Tamuri & Khairul Azman, 2010).

Oleh itu, keberkesanan pengajaran guru sering dikaitkan dengan keupayaan mereka mengajar. Kajian lepas turut membincangkan tentang kualiti pengajaran yang berkesan ada hubungannya dengan gaya pengajaran guru di sekolah (Pella, 2015; Kamarul et al., 2012). Oleh itu, berdasarkan Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Agama 1985, Pindaan 2019 menegaskan agar guru-guru agama berusaha untuk melaksanakan cara pengajaran yang berkualiti dan berkesan kepada murid (Jabatan Pengajian Islam, 2020). Kualiti seorang guru diukur

berdasarkan kepada kemampuan mereka mewujudkan suasana pengajaran yang berkesan (Heri, 2012).

Guru-guru agama dialaf baru juga dituntut untuk memiliki pengetahuan dan kemahiran mengajar agar dapat mencorak penyampaian yang berkesan. Tuntutan ini adalah selaras dengan pendidikan di Abad ke-21 yang menuntut guru-guru agar dapat menguasai beberapa kemahiran yang antara lainnya menguasai pedagogi abad ke-21, menguasai perkembangan murid dan mengintegrasikan teknologi maklumat di dalam pengajaran bilik darjah.

Dalam pada itu, selaras dengan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam, 29 September 2016 Masehi (Kumpulan Titah 2016), Baginda bertitah:

Begitu besar peranan guru itu. Sebagai ejen pelaksana pendidikan, guru adalah dituntut untuk melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran, dan pemikiran bernas (m.s 45).

Komponen yang menjadi fokus dalam perbincangan kertas kerja ini menumpukan terhadap pengetahuan pedagogi guru. Pengetahuan pedagogi merupakan komponen penting menjana pengajaran berkesan di dalam bilik darjah (Nurul Ashikin et al., 2020; Nur Ain & Zamri, 2019; Sapie et al., 2018). Pengetahuan pedagogi berkaitan dengan pengetahuan guru dalam mencipta dan menyediakan suasana pengajaran yang efektif, pengurusan bilik darjah, persediaan guru merancang pengajaran dan pengamalan pelbagai pedagogi (Roslina et al., 2020; Adrianus & Maimunah, 2020; Nurul Ashikin et al., 2020; Shulman, 1986). Menurut Al-Syaibani (1991) guru perlu merancang pengajaran dengan baik untuk menghasilkan satu siri pengajaran bilik darjah yang berkesan.

Pemantapan pengetahuan pedagogi guru nampaknya selaras dengan keperluan Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Agama 1985, Pindaan 2019 di Brunei di mana menuntut guru-guru agama agar dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan dari segi isi pelajaran dan cara penyampaian (Jabatan Pengajian Islam, 2020). Pengetahuan pedagogi penting bagi seorang guru, kerana berdasarkan Ahmad Yunus dan Ab. Halim Tamuri (2010) mereka menyatakan bahawa metodologi pengajaran adalah berbeza mengikut bidang yang diajar.

Natijahnya, Guru Pendidikan Islam perlu mempersiapkan diri dengan memiliki kemahiran pedagogi (Akhiar et al, 2015) kerana dengan pengetahuan ini sama ada secara langsung mahupun secara tidak langsung dapat mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran Fiqh di dalam bilik darjah khusus bagi guru-guru di sekolah agama. Oleh itu dapatlah kita lihat kepentingan pengetahuan pedagogi kepada guru kerana pengetahuan ini adalah merupakan komponen penting untuk mewujudkan suasana pengajaran bilik darjah yang berkesan. Oleh itu, dalam kajian ini pengetahuan pedagogi yang dibincangkan terbahagi kepada dua komponen iaitu pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus.

Pengetahuan Pedagogi Am

Konsep pengetahuan pedagogi am dalam kajian ini adalah merujuk kepada pengetahuan asas guru terhadap pengurusan bilik darjah dan pengetahuan tentang murid yang diajar (Magdeline & Zamri, 2016; Widi et al., 2014). Pengetahuan guru terhadap pengurusan bilik darjah meliputi kemampuan guru mengurus bilik darjah, masa, sumber, disiplin murid, pengetahuan tentang ciri murid yang diajar dan hubungan kemanusiaan dalam aspek interaksi sesama murid (Kamarul & Noor Fadhlina, 2012; Yahya et al., 2014; Akhiar & Shamsina, 2009). Kemampuan guru mengurus pengajaran berkesan ada kaitan dengan pengetahuan pedagogi am guru yang baik.

Pengajaran guru berkesan sering dikaitkan dengan kemampuan dan kemahiran guru mengurus bilik darjah dengan baik (Roxana & Andrei, 2014; Kamarul & Noor Fadhlina, 2012). Mustapha Kamal (2015) dan Zulina (2015) menyatakan bahawa keberkesanan pengajaran seorang guru dipengaruhi oleh kecekapan mereka mengurus bilik darjah. Suasana bilik darjah yang kondusif penting untuk mewujudkan keberkesanan pengajaran guru di dalam bilik darjah (Zarima et al., 2016). Guru-guru agama dalam mengajar juga perlu mengetahui dengan baik ciri-ciri murid yang diajar. Hal ini kerana menurut Nur Hanani (2015) dan Coe et al. (2014) menyatakan bahawa guru perlu mengetahui latar belakang murid yang diajar untuk membantu mereka menentukan kaedah pengajaran yang sesuai dengan murid yang diajar.

Implikasi kurangnya pengetahuan terhadap pengurusan bilik darjah yang baik memberi kesan terhadap kelancaran pengajaran guru (Roslina et al., 2019). Dalam pada itu, pengetahuan pedagogi am juga melibatkan tentang menciptakan iklim bilik darjah dengan mewujudkan interaksi sepanjang pengajaran guru berlangsung (Novendawati, 2016). Interaksi yang baik melibatkan hubungan komunikasi antara individu dengan individu lain seperti guru dengan guru dan murid sesama murid yang lain. Dengan adanya komunikasi yang baik antara setiap individu yang terlibat dalam pengajaran bilik darjah boleh memaksimumkan penglibatan murid sepanjang aktiviti pengajaran dan pembelajaran berlangsung (Norasliza & Zaleha, 2008).

Oleh yang demikian untuk memaksimumkan komunikasi antara setiap individu dalam pengajaran, guru sebaiknya menggunakan pelbagai bahasa mengikut kesesuaian murid dan kebolehan murid yang diajar (Fathiyah, 2012; Ahmad, 2011). Mewujudkan unsur jenaka dalam pengajaran guru juga amat digalakkan di dalam pengajaran guru agar dapat mewujudkan hubungan yang baik antara guru dengan murid (Alis, 2016; Wan Nur Hasymy, 2014) di samping dapat merangsang suasana pengajaran yang ceria dan menyeronokkan (Cyrene & Minah, 2019; Shaffe et al., 2011). Oleh itu, guru-guru agama juga perlu mengambil perhatian terhadap pengetahuan pedagogi am ini kerana pengetahuan ini akan dapat membantu mereka untuk menentukan bagaimana membuat perancangan dan persediaan dalam menyampaikan kandungan pelajaran Fiqh kepada murid.

Pengetahuan Pedagogi Khusus

Pengetahuan pedagogi khusus adalah berkaitan dengan pengetahuan dan kemahiran guru terhadap perancangan pengajaran dan pengetahuan tentang strategi pengajaran yang digunakan di dalam bilik darjah (Nurmelda & Roslinda, 2020). Pengajaran guru perlu disampaikan dengan tersusun, menekankan isi-isi penting dan mahir membuat perkaitan dengan pengalaman dan pengetahuan sedia ada murid (Nur Ain & Zamri, 2019) agar mereka dapat mengaitkan pelajaran dengan kehidupan yang sebenar (Sapie et al., 2018).

Pengetahuan dan kebolehan guru merancang pengajaran dapat mempengaruhi corak pengajaran mereka di dalam bilik darjah (Roslina et al., 2020; Siti Astri & Noor Shah, 2019). Oleh itu, guru-guru agama sebaiknya merancang pengajaran dengan baik agar mereka dapat melaksanakan pengajaran dengan bersistematik. Berdasarkan kajian Norwati (2019) aktiviti pengajaran yang baik dapat membantu meningkatkan kefahaman dan meningkatkan minat pelajar belajar Pendidikan Islam.

Selaras dengan pandangan Erik dan Dean (2020) menyatakan guru perlu memiliki pengetahuan pedagogi agar dapat mempersembahkan aktiviti pengajaran dengan cara yang betul. Kemahiran guru mengajar ini ada hubungkaitnya dengan kemampuan mereka merancang, mengelola kegiatan pengajaran, penggunaan strategi, dan kaedah yang bersesuaian dengan murid yang diajar (Sapie et al., 2018; Heri, 2012; Ab. Halim Tamuri & Khairul Azman, 2010; Akhbar et al., 2009). Menurut Mustapha Kamal (2015) dan Roxana serta Andrei (2014) menyatakan bahawa pengajaran berkesan adalah hasil dari kemampuan guru membuat perancangan pengajaran yang bersistematik dan teratur.

Pengetahuan guru terhadap pemilihan strategi dan kaedah pengajaran yang tepat dapat mempengaruhi keberkesanan pengajaran mereka di dalam bilik darjah (Muhd Zulhili et al., 2020; Zarima et al., 2016; Yahya et al., 2014; Siti Maesaroh, 2013). Kemahiran guru mempelbagaikan strategi dan kaedah pengajaran membantu keberkesanan pengajaran bilik darjah (Idris, 2019; Siti Maesaroh, 2013) dan secara tidak langsung membantu meningkatkan kefahaman dan minat murid untuk belajar (Nurul Syuhada et al, 2016).

Oleh itu guru-guru agama perlu kreatif dalam merancang dan memilih bentuk pengajaran Fiqh yang berkesan. Guru-guru agama perlu bijak mencorak pengajaran mereka dengan baik agar matlamat pengajaran Fiqh yang disasarkan dapat dicapai. Keperluan guru mencorak pengajaran berkesan ini adalah selaras dengan petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan (KUPU SB) Kali Ke-4, 5 November 2014 Masehi (Buletin Khas Konvokesyen, 2015), Baginda bertitah:

Kita menyedari, persepsi terhadap guru pada masa ini, tidak terkecuali guru agama, bukan lagi setakat memfokus kepada guru yang baik semata-mata, tetapi juga mengkehendaki supaya guru itu mampu untuk menyampaikan pengajaran

dengan berkesan, dalam makna dari guru 'good teaching' kepada guru 'effective teaching' (m.s: 4).

Pengajaran Fiqh

Sukatan pelajaran Fiqh yang diajarkan di peringkat di persekolahan agama terdiri daripada mata pelajaran Taharah, Solat, Shiam, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat, dan Jenayat. Mata pelajaran ini merupakan komponen penting yang mesti diajarkan dan dipelajari oleh setiap orang murid di sekolah. Adapun tujuan mata pelajaran ini diajarkan adalah untuk melahirkan murid-murid yang taat beribadat kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala dan berpengetahuan tentang hukum-hukum syarak untuk diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari. Di peringkat sekolah agama, kurikulum mata pelajaran Fiqh dijadikan sebagai satu mata pelajaran yang wajib dipelajari oleh semua murid.

Sesi pembelajaran sekolah agama diadakan sebanyak dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Bagi sesi pagi, peruntukan jumlah bagi satu period adalah sebanyak 30 minit. Sementara sesi petang pengajaran pula diperuntukan sebanyak 25 minit bagi satu period. Jumlah period yang diperuntukan bagi setiap sub mata pelajaran Fiqh adalah berbeza. Berdasarkan kepada sukatan pelajaran sekolah-sekolah agama, Bagi Darjah IV sub mata pelajaran yang diajar ialah pelajaran Solat, Taharah, dan Shiam. Pelajaran Solat adalah sebanyak empat period, pelajaran Taharah sebanyak tiga period, dan pelajaran Shiam sebanyak dua period.

Sementara pelajaran Darjah V pula terdiri daripada pelajaran Solat, Zakat, Haji, dan Mu'amalat. Pelajaran Solat sebanyak tiga period, manakala pelajaran Zakat, Haji, dan Mu'amalat masing-masing diperuntukan sebanyak dua period. Seterusnya pelajaran Fiqh bagi Darjah VI ialah Solat, Zakat, Haji, Mu'amalat, Munakahat, dan Jenayat. Pelajaran Solat, Zakat, Mu'amalat, dan Jenayat masing-masing satu period. Sementara pelajaran Haji diperuntukan sebanyak dua period, dan pelajaran Munakahat sebanyak tiga period.

Oleh itu, guru-guru agama adalah insan yang bertanggungjawab untuk merealisasikan matlamat Pendidikan Fiqh di sekolah agama. Oleh itu mereka perlulah mempersiapkan diri dengan memiliki ilmu pengetahuan dan kemahiran mengajar yang mencukupi supaya mereka dapat melaksanakan tugas mengajar dengan baik dan berkesan.

IV. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara kajian tinjauan. Oleh itu, instrumen soal selidik digunakan untuk mengukur tahap pengetahuan pedagogi guru terdiri daripada pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus pengajaran Fiqh. Soal selidik yang digunakan adalah diadaptasi dan diubahsuai daripada instrumen Noor Shah (2006), Habibah et al. (2016), dan Abdul Jalal (2016). Guru-guru agama yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang mengajar dari Daerah Brunei dan Muara, Daerah Tutong, Kuala Belait dan Dearah Temburong. Oleh yang demikian, pensampelan rawak berstrata digunakan dalam kajian ini. Seramai 469 orang guru-guru agama yang mengajar pelajaran Fiqh Darjah IV, V, dan VI terlibat dalam kajian ini.

Sebelum kajian sebenar dilaksanakan, kajian rintis telah dijalankan terhadap item-item soalan yang disediakan. Berdasarkan kepada kajian rintis yang dijalankan mendapati bahawa nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen memperoleh $\alpha = 0.957$ bagi konstruk pengetahuan pedagogi am dan $\alpha = 0.949$ bagi konstruk pengetahuan pedagogi khusus. Interpretasi tahap pekali alpha yang digunakan dalam kajian ini adalah merujuk kepada Lim (2007) sebagaimana dalam Jadual 1 berikut:

JADUAL 1: INTERPERTASI TAHAP PEKALI ALPHA

Skor Min	Interpretasi
0.90 atau lebih	Amat Baik
0.80 – 0.89	Baik
0.60 – 0.79	Sederhana
0.40 – 0.59	Diragui
0.00 – 0.39	Ditolak

(Sumber: Lim, 2007)

Oleh yang demikian, item-item soalan yang disediakan mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan pada tahap yang sangat tinggi. Borang soal selidik mengandungi tiga bahagian iaitu Bahagian A berkaitan demografi responden, Bahagian B berkaitan tahap Pengetahuan Pedagogi Am Guru-Guru Ugama, dan Bahagian C berkaitan Pengetahuan Pedagogi Khusus Guru-guru Ugama Dalam Pengajaran Fiqh. Bilangan item soal selidik adalah seperti Jadual 2 berikut:

JADUAL 2: JUMLAH ITEM SOAL SELIDIK

Bahagian	Item
Latar Belakang Responden	3 item
Konstruk Pengetahuan Pedagogi Am	22 item
Konstruke Pengetahuan Pedagogi Khusus	22 item

Lima sekala likert digunakan dalam kajian ini untuk mengukur kedua-dua konstruk pengetahuan pedagogi guru iaitu tahap 1 = Sangat tidak setuju, 2 = Tidak setuju, 3 = Tidak pasti, 4 = Setuju, dan 5 = Sangat setuju bagi konstruk pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for the Social Science* Versi 20 dengan mengambil kira jumlah kekerapan, peratus, min, dan sisihan piawai. Interpretasi skor min dalam kajian ini merujuk kepada pandangan Kamaruzaman et al. (2010) sebagaimana Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Interpretasi Nilai Skor Pengetahuan Pedagogi

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

(Sumber: Kamaruzaman et al., 2010)

V. DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Pada bahagian ini, item yang terkandung di dalam demografi kajian melibatkan jantina, pengalaman mengajar dan daerah tempat mengajar guru-guru ugama seperti Jadual 4 berikut:

JADUAL 4: DEMOGRAFI RESPONDEN KAJIAN

Perkara		Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	154	32.8%
	Perempuan	315	67.2%
Pengalaman Mengajar Pelajaran Fiqh	1-5 tahun	46	9.8%
	Lebih 5 tahun	423	90.2%
Daerah Tempat Mengajar	Brunei dan Muara	366	78.0%
	Tutong	46	9.8%
	Kuala Belait	39	8.3%
	Temburong	18	3.8%

Merujuk Jadual 4, seramai 154 orang (32.8%) guru lelaki dan 315 orang (67.2%) guru perempuan terlibat dalam kajian ini. Guru-guru yang terlibat ini merupakan guru-guru daripada keempat-empat daerah iaitu seramai 366 orang (78.0%) guru-guru ugama dari Daerah Brunei dan Muara, 46 orang (9.8%) dari Daerah Tutong, 39 orang (8.3%) dari Kuala Belait, dan 18 orang (3.8%) daripada Daerah Temburong. Sementara pengalaman mengajar pula, guru-guru yang mengajar pelajaran Fiqh kurang daripada 5 tahun adalah seramai 46 orang (9.8%), manakala 423 orang (90.2%) guru yang mempunyai pengalaman mengajar Fiqh melebihi 5 tahun terlibat dalam kajian ini.

Analisis Dapatan Pengetahuan Pedagogi Am

Pada bahagian ini membincangkan dapatan kajian tahap pengetahuan guru terhadap pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus di dalam pengajaran Fiqh di sekolah-sekolah ugama. Sebanyak 22 item mengukur pengetahuan pedagogi am dan 22 item bagi mengukur tahap pengetahuan pedagogi khusus. Tahap pengetahuan guru bagi kedua-dua konstruk pengetahuan pedagogi adalah seperti Jadual 5 berikut:

JADUAL 5: TAHAP MIN PENGETAHUAN PEDAGOGI GURU DALAM PENGAJARAN Fiqh

Konstruk Pengetahuan	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
Pengetahuan Pedagogi Am	4.10	0.43	Tinggi
Pengetahuan Pedagogi Khusus	3.99	0.46	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan analisis tahap min pengetahuan pedagogi guru berdasarkan kepada dua konstruk pengetahuan iaitu pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus. Kedua-dua konstruk pengetahuan pedagogi secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang baik pada sekala likert lima mata Min 3.41 hingga 4.20 (Kamaruzaman et al. 2010).

Secara terperinci, dapatan kajian menunjukkan bahawa konstruk pengetahuan pedagogi am memperoleh nilai min yang tertinggi iaitu Min 4.10 dengan nilai sisihan piawai sebanyak 0.43. Kemudian diikuti konstruk pengetahuan pedagogi khusus pula memperoleh nilai min 3.99 dengan sisihan piawai sebanyak 0.46.

Berdasarkan jumlah min konstruk pengetahuan pedagogi yang diperoleh menunjukkan guru-guru agama mempunyai pengetahuan yang baik terhadap pedagogi sama ada pedagogi am dan pedagogi khusus dalam pengajaran bilik darjah. Mereka juga dapat menguasai keseluruhan komponen pengetahuan iaitu pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus di dalam pengajaran Fiqh pada tahap min antara 3.99 hingga 4.10. Guru-guru agama mempunyai pengetahuan yang baik terhadap kedua-dua konstruk pengetahuan pedagogi. Pengetahuan pedagogi am guru adalah seimbang dengan pengetahuan pedagogi khusus dalam pengajaran Fiqh. Hal ini menunjukkan bahawa tindakan-tindakan guru dalam pedagogi khusus adalah selaras dengan kepakaran dan kebijaksanaan mereka mengurus dalam aspek pengetahuan pedagogi am.

VI. PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pedagogi guru yang terdiri daripada pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus adalah berada pada tahap yang tinggi berdasarkan interpretasi skor daripada Lim (2007). Hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru agama mempunyai pengetahuan yang baik terhadap pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus. Mereka juga dilihat dapat menguasai dan memiliki kemahiran terhadap kedua-dua pengetahuan pedagogi yang dikaji.

Pengetahuan pedagogi dalam kajian ini merupakan komponen yang perlu dikuasai oleh guru-guru agama. Hal ini juga ada ditekankan dalam Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Agama 1985, Pindaan 2019 di Brunei di mana menuntut guru-guru agama agar dapat melaksanakan pengajaran dengan berkesan dari segi isi pelajaran dan cara penyampaian (Jabatan Pengajian Islam, 2020). Kepentingan guru menguasai pengetahuan pedagogi ini adalah selaras dengan tuntutan pendidikan di Abad ke-21 di mana guru-guru disarankan dapat menguasai pedagogi abad ke-21. Hasil kajian ini menunjukkan pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus merupakan elemen yang benar-benar dikuasai oleh guru.

Seorang guru yang mempunyai pengetahuan pedagogi yang baik boleh mereka membuat perancangan dan melaksanakan pengajaran dengan baik dan lancar. Nurul Asikin et al. (2020) ada menjelaskan bahawa guru yang tidak mempunyai pengetahuan pedagogi memberi kesan terhadap kepuasan guru mengajar.

Hasil kajian mendapati bahawa pengetahuan pedagogi guru pada aspek pengurusan bilik darjah termasuklah usaha guru untuk mewujudkan pengajaran Fiqh yang berkesan dan penglibatan murid secara aktif di dalam bilik darjah berada pada tahap yang tinggi. Hal demikian menunjukkan bahawa guru-guru agama mempunyai kemahiran dalam membentuk suasana pengajaran yang menarik sesuai dengan murid yang

diajar. Selaras dengan pandangan Heri (2012), kemampuan guru mengajar diukur dengan kemampuan mereka dapat membentuk suasana bilik darjah yang kondusif, efektif, efisien, dan produktif.

Guru-guru agama juga dilihat dapat mengenali dengan baik murid-murid yang diajar sehinggakan mereka sangat mengambil berat tentang kefahaman dan kemajuan murid yang diajar dengan menyediakan peluang kepada murid untuk meneroka pengalaman baru menerusi isi pelajaran yang diajarkan. Selain itu aspek yang terkandung di dalam konstruk pedagogi am iaitu penglibatan interaksi individu dengan individu lain seperti guru dengan murid, murid dengan murid dan murid dengan bahan pengajaran adalah dipraktikkan oleh guru-guru agama semasa pengajaran Fiqh berlangsung.

Selain aspek pengurusan bilik darjah, kefahaman terhadap ciri murid yang diajar dan mewujudkan hubungan interaksi dan komunikasi dalam kalangan individu murid dan guru, guru-guru agama juga dilihat dapat memahami konsep refleksi dalam pengajaran Fiqh. Mereka sangat jelas tentang kepentingan membuat refleksi. Hal ini dibuktikan melalui hasil kajian menunjukkan bahawa guru-guru agama memiliki pengetahuan yang baik terhadap tindakan membuat refleksi hasil pengajaran mereka di dalam bilik darjah.

Dapatan kajian turut mendapati guru-guru agama mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam melaksanakan pengajaran Fiqh. Ini menunjukkan bahawa mereka dapat melaksanakan pengajaran Fiqh sesuai dengan murid yang diajar. Guru-guru agama didapati memiliki pengetahuan dan kemahiran dalam mempersembahkan aktiviti pengajaran dengan betul. Mereka dapat menerapkan strategi dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan kandungan pelajaran yang diajar. Guru-guru agama didapati mempunyai pengetahuan dan kemahiran guru menggunakan kepelbagaian strategi dan kaedah pengajaran Fiqh di dalam bilik darjah.

Kemahiran memilih kaedah pengajaran yang sesuai dapat membantu guru mengajar dengan baik (Idris, 2019; Zarima et al., 2016; Yahya et al., 2014; Siti Maesaroh, 2013) dan membantu mencapai objektif pengajaran yang dirancang (Husni et al., 2018). Mereka juga didapati dapat memilih alat bantu mengajar yang sesuai dengan kandungan pelajaran yang diajar. Zulkifli (2014) menjelaskan bahawa guru dalam menyampaikan pengajaran perlu menggunakan alat bantu mengajar sebagai usaha untuk meningkatkan minat murid untuk belajar.

Selain itu, hasil kajian juga mendapati bahawa guru-guru agama mempunyai kemahiran membuat penilaian untuk menguji kefahaman murid dan mereka juga didapati mengetahui antara tajuk pelajaran yang mudah serta sukar bagi murid belajar. Pengetahuan dan kemahiran ini membuatkan guru-guru agama dapat menyediakan perancangan pengajaran dengan menentukan bagaimana mempersembahkan isi pelajaran murid sehingga mereka benar-benar faham kandungan pelajaran yang diajarkan.

Secara rumusan, pengetahuan pedagogi guru-guru agama dalam pengajaran Fiqh yang meliputi pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus adalah berada pada tahap yang memuaskan. Guru-guru agama mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang baik dalam menyampaikan pengajaran Fiqh di dalam bilik darjah.

Penguasaan dan kemahiran mereka terhadap pedagogi pengajaran Fiqh telah membantu mereka dapat melaksanakan pengajaran yang berkesan sehingga mampu mencapai objektif pengajaran yang disasarkan.

VII. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan pedagogi iaitu pengetahuan pedagogi am dan pengetahuan pedagogi khusus pengajaran Fiqh kalangan guru-guru agama. Dapatan kajian yang diperoleh menunjukkan bahawa pengetahuan pedagogi pengajaran Fiqh kalangan guru-guru agama memberi implikasi kepada pelbagai pihak berkepentingan menguasai pengetahuan ini.

Hasil kajian yang dikemukakan dapat menunjukkan tentang kepentingan guru memiliki dan menguasai pengetahuan pedagogi untuk membolehkan mereka merangka dan merancang serta melaksanakan pengajaran dengan baik. Kajian ini juga dapat menimbulkan kesedaran dalam diri guru-guru agama untuk terus berusaha semaksimal mungkin menguasai pengetahuan pedagogi supaya dapat melaksanakan pengajaran Fiqh mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh guru. Selain itu, hasil kajian juga memberi peluang kepada guru-guru agama mengenal pasti aspek-aspek penting yang perlu mereka kuasai dan mahir sebagaimana yang terkandung di dalam pedagogi am dan pedagogi khusus. Kesempurnaan guru-guru agama merancang dan melaksanakan aspek-aspek di dalam pedagogi am sudah setentunya membantu mereka untuk dapat melaksanakan aspek pedagogi khusus dengan lancar dan bersistematik.

Sebagai saranan kepada guru-guru khususnya guru-guru agama agar mereka dapat sentiasa mempertingkatkan lagi usaha untuk memantapkan pengetahuan pedagogi mereka secara berterusan dan sentiasa *up-to-date* menerusi penglibatan mereka dalam CPDP atau kongres antara guru-guru agar ilmu pengetahuan terhadap pedagogi pengajaran akan semakin mantap, berkembang dan akhirnya mampu mencapai matlamat pelajaran Fiqh peringkat sekolah agama di Negara Brunei Darussalam.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 43-56.
- Abdul Jalal bin Abdul Manaf. (2016, Mac 14-15). Pengetahuan Kandungan Ilmu Qiraat Dalam Kalangan Guru Qiraat di Malaysia. *3rd International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization (ICASIC2016)*, Kuala Lumpur.
- Adrianus Nasar & Maimunah H. Daud. (2020). Analisis Kemampuan Guru IPA Tentang Technological Pedagogical Content Knowledge Pada SMP/MTs di Kota Ende. *Jurnal Pendidikan Fizika*, 4(1), 9-20.
- Ahmad Tafsir. (2012). *Ilmu Pendidikan Islam*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Ahmad Yunus & Ab. Halim Tamuri. (2010). Pengetahuan Pedagogikal Kandungan Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(2), 13-30.
- Akhiar Pardi & Shamsina Bt Shamsudin. (2009). *Rancangan Pengajaran Harian dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: CIPTA Printing & Publishing (M) Sdn Bhd.
- Akhiar Pardi, Samsina Shamsuddin & Muhamad Khushairi Jusoh. (2015). *Asas Kepimpinan & Perkembangan Profesional*. Selangor: Pelangi Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Al-Syaibani, Omar Muhammad al-Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. (Terjemahan). Shah Alam: Hizbi.
- Alis Puteh. (2016). *Profesion Keguruan Peranan Etika Kerja Dalam Mendisiplinkan Pelajar*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Buletin Khas Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan Tahun 2014. (2015). Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Negara Brunei Darussalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Agama Seri Begawan.
- Buku Panduan dan Peraturan Am Kerja Guru-Guru Agama 1985 (Pindaan 2019). (2020). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Agama.
- Coe, R., Aloisi, C., Higgins, S., Major, L. E. (2014). *What Makes Great Teaching. Review of The Underpinning Research*. Centre of Evaluation & Monitoring, Durham University, 1-57. Retrieved <https://www.suttontrust.com/wp-content/uploads/...>
- Cyrene Riman Junis & Minah Sintian. (2019, Mei 19). *Unsur Jenaka Dalam Pengajaran Bahasa Kadazandusun: Satu Pengenalan*. Seminar Antarabangsa Kesusteraan dan Kebudayaan Borneo Sempena Pesta Menuai, di The Klagan Hotel 1B Hypermall Kota Kinabalu, Sabah.
- Erik, B. & Dean, M. B. (2020). Re-Thingking Pedagogical Content Knowledge for Physical Education Teacher-Implication for Physical Education Teacher Education. *Physical Education and Support Pedagogy*, 25(5), 451-463. Retrieved DOI: 10.1080/17408989.2020.1734554.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). *Peranan & Cabaran Guru Dalam Pengajaran Pendidikan Islam*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Habibah@Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Safar & Norshahrul Marzuki Mohd Nor. (2016). Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Aspek Pengajaran. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*, 3(2), 85-109.
- Heri Jauhari Muchtar. (2012). *Fikih Pendidikan*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Husni Abdullah, Abd Razif Zaini, Khairatul Akmar Ab Latif, Hasanah Ihsan, Ku Fatahiyah Ku Azizan, Wan Sakiah Wan Ngah & Naqibah Mansur. (2018, Ogos

- 7). *Pendidikan Abad ke-21 Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah di Malaysia: Amalan dan Cabaran*. 5th International Research Management & Innovation Conference, di Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Idris Rasyid. (2019). Konsep Pendidikan Ibnu Sina Tentang Tujuan Pendidikan, Kurikulum, Metod Pembelajaran dan Guru. *Jurnal Penelitian Hukum dan Pendidikan*, 18 (1), 779-790.
- Ismail Abbas. (2020, Ogos 22). *Kemahiran Berfikir Pelajar Dalam Pendidikan Islam*. Siri Webinar Antarabangsa UTHM dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Anjuran Institut Ahli Sunnah Waljama 'ah UTHM.
- Jamaluddin Pengiran Haji Zainal. (2014). *Keberkesanan Pembelajaran Berasaskan Masalah Dalam Pembelajaran Fiqh*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Perguruan Ugama. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Johar bin Haji Jumat. (2014). *Kaedah Demonstrasi Dalam Mata Pelajaran Fiqh: Kajian Eksperimen di Sebuah Sekolah Ugama Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Perguruan Ugama. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noor Fazilah Judin, Azhar Muhammad, Mohd Ismail Mustari & Muhamad Faiz Ismail. (2012, Mac 8-9). *Intergrasi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Dengan Kehidupan Akademik*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012), di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhilina Nawawi. (2012, Mac 8-9). *Model Guru Berkualiti Dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012), di Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru.
- Kamaruzaman bin Moidunny, Akma bt. Hj. Abd Hamid & Norasmah bt. Othman. (2010, Julai 20). *Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL): Penilaian Reaksi*. Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan ke-17, di Institut Aminuddin Baki (IAB), Nilai, Negeri Sembilan.
- Kumpulan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 2016. (2017). Negara Brunei Darussalam: Unit Penerbitan Melayu, Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik Jabatan Penerangan.
- Lim. C. H. (2007). *Penyelidikan Pendidikan: Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif*. Selangor: MacGraw-Hill.
- Magdeline Anak Nor & Zamri Mohamad. (2016). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Iban*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Zahiri Awang Mat, Mujaini Tarimin, Nik Ahmad Hisham Ismail, Arifin Mamat, Md. Yusnan Yusof, Md. Noor Hussin & Noor Akmal binti Abdul Wahab. (2011). *Kajian Tahap Profesionalisme Guru Agama Di Sekolah Rendah Agama, Jabatan Agama Islam Selangor*. Projek 210002002. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohd Muslim Md Zalli, Farah Nabilah Mod Akil, Ismail Salleh & Mohd Hilmi Ahmad. (2020, Oktober 20). *Pengetahuan Pedagogi, Kemudahan Pembelajaran dan Hubungannya Dengan Kualiti Pengajaran Guru Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Malaysia*. Seminar Darul Aman Peringkat Kebangsaan, di IPG Kampus Darul Aman.
- Mustapha Kamal bin Ahmad Kassim. (2015). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Tamadun Islam di Institut Pendidikan Guru Malaysia di Lembah Klang: Kajian Kaedah dan Keberkesanannya*. [Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Reterived studentsrepo.um.edu.my/5987.
- Noor Shah Saad. (2006). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan dan Amalannya Dalam Kalangan Guru Matematik Sekolah Menengah*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Norainah binti Haji Kula. (2012). *Peta Minda Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Taharah: Kajian Keberkesanannya di Sekolah Ugama Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Pengajian Islam. Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.
- Noraini binti Haji Abdul Hamid. (2011). *Perlaksanaan Pengajaran Fiqh di Menengah Bawah Sekolah-Sekolah Ugama Kerajaan Negara Brunei Darussalam Dalam Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Pengajian Islam. Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.
- Norasaliza Hassan & Zaleha Ismail. (2008, Oktober 11-12). *Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Pelatih Matematik Sekolah Menengah*. Seminar Kebangsaan Pendidikan Sains dan Matematik, di Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia & Jabatan Pendidikan, Negeri Johor.
- Norhaslina binti Sulaiman, Nur Afiah bt Saharuddin & Wan Norina binti Wan Hamat. (2018, Julai 9-10). *Kaedah Self-Reflection Sebagai Pengukuhan Terhadap Pelajar Dalam Pendidikan Akhlak*. National Invention & Innovation, Conference and Robot-sumo (NICERS' 18), di Politeknik Sultanah Bahiyah Kedah.
- Norsalawati Wahid, Suraya Bahrum, Md Nasir Ibrahim & Hema Zulaikha Hashim. 2017. Pedagogical Content Knowledge of Art Teachers in Teaching the Visual Art Appreciation in School. *International Journal of Academic Research in Busniess and Social Sciences*, 7(12), 296-303.
- Norsiah binti Haji Abdullah. (2012). *Keberkesanan Penggunaan Komputer Melalui Perisian Microsoft PowerPoint Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Taharah*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Sarjana

- Pendidikan Dalam Pengajian Islam. Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolikiah, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.
- Norwati binti Hj. Abu Bakar. (2019). *Pengaruh Pentaksiran Kendalian Sekolah Untuk Pembelajaran (SBAfL) Terhadap Gaya Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Novendawati Wahyu Sitasari. (2016). Pengetahuan dan Keterampilan Guru Dalam Menangani Perilaku Bullying. *Forum Ilmiah Jurnal Bunga Rampai*, 13(2), 145-155.
- Nur Ain Elzira Abdullah & Zamri Mahamod. (2019). *Kajian Pembelajaran Pembangunan Profesionalisme Berterusan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Hanani Hussin. (2015). *Pengajaran Ibadat Dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. [Diterbitkan]. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nurmelda Patric & Roslinda Rosli. (2020). Pengetahuan Pedagogi dan Isi Kandungan Guru Opsyen Matematik Dalam Pengajaran topik Pecahan. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(1), 92-101.
- Nurul Ashikin Md. Yatim, Chew Fong Peng & Zuraidah Abdullah. (2020). Tahap Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM*, 10(2), 43-53.
- Nurul Syuhada Johari, Fathiyah Mohd Fakhruddin & Asmawati Suhid. (2016). Pendekatan dan kaedah Pengajaran Ibadah Solat Guru Pendidikan Islam Menurut Perspektif Murid. *Online Journal of Islamic Education (Q-jLE)*, 4(2), 46-53.
- Palanisamy Kathirveloo & Marzita Puteh. (2014, September, 21). *Effective Teaching: Pedagogical Content Knowledge*. Proceeding of International Joint Seminar, di Garut Indonesia.
- Pella, S. (2015). Pedagogical Reasoning and Action: Affordances of Practise-Based Teacher Professional Development. *Teacher Education Quarterly*, 4(3), 81-102.
- Roslina Mohd Noh, Nik Mohd Rahimi Ni Yusoff & Hamdzun Haron. (2019). Pengetahuan Pedagogi Ilmu Kandungan Dalam Kalangan Guru Seni Visual Sekolah Menengah di Hulu Langat. *Journal Pendidikan Malaysia*, 44(1), 137-150.
- Roxana Criu & Andrei Marian. (2014). The Influence of Student's Perception of Pedagogical Content Knowledge on Self-Efficacy in Self-Regulating Learning in Training of Future Teachers. *Procedia Social and Behavioral Science*, 142, 673-678. Retrieved DOI: <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2014.07.596>.
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Suhana Mohamed Lip & Suziana Hanini Sulaiman. (2018, Ogos 7). *Konsep Modul Intergrasi Latihan Perguruan Pendidikan Islam*. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018), di Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Shaffe Mohd Daud, Ramli Basri, Roselan Baki, Shahndri Ghani Hamzah & Mokhtar Nawawi. (2011). Pengaruh Amalan Jenaka Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Murid. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 26(1), 125-144.
- Shahrul Anuar bin Haji Minudin. (2013). *Kaedah Perbincangan Sesi Buzz di Dalam Permasalahan Zakat: Kajian Kuasi Eksperimen Bagi Pelajar Tahun 9 di Salah Sebuah Sekolah Menengah Swasta*. [Tidak Diterbitkan]. Ijazah Sarjana Pendidikan Dalam Pengajian Islam. Institut Pendidikan Sultan Hassan Bolikiah, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam.
- Shulman. L.S. (1986). Those Who Understand: Knowledge Growth in Teaching. *Educational Researcher*, 5(2), 4-14.
- Shulman, L. S. (1987). *Knowledge and Teaching: Foundation on The New Reform*. Harvard Educational Review.
- Siti Astri hj Moksini. (2016). *Aplikasi ASSURE Dalam Pengajaran Fiqh Sekolah Menengah, Negara Brunei Darussalam*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Ijazah Sarjana. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Siti Astri hj Moksini & Noor Shah Saad. (2019, November 4-5). *Guru Pendidikan Islam Dalam Abad Ke-21*. 6th University – Community Engagement Conference, di Tarindak D'Seni Brunei dan Kraftangan, Negara Brunei Darussalam.
- Siti Maesaroh. (2013). Peranan Metode Pembelajaran Terhadap Minat dan Prestasi Belajar Pendidikan Agama Islam. *Jurnal Pendidikan*, 1(1), 150-168.
- Sukatan Pelajaran Sekolah-Sekolah Ugama Jabatan Pengajian Islam. (2019). Negara Brunei Darussalam: Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.
- W. Setyaningrum, A Mahmudi & Murdanu. (2019). Pedagogical Content Knowledge of Mathematics Pre-Service Teacher: Do They Know Their Student? *Conference Series of Journal of Physics (ICRIEMS 5)*, 1-8.
- Wan Nur Hasmy bin Wan Mansor. (2014). *Penerapan Unsur Kecerdasan Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Reka Bentuk Teknologi*. [Tidak Diterbitkan]. Laporan Projek Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. Parit Rajah, Johor.
- Widi Purwianingsih, Nuryani Y. Rustaman & Sri Redjeki. (2014). Pengetahuan Konten Pedagogi (PCK) dan Urgensinya dalam Pendidikan Guru. *Jurnal Pendidikan MIPA*, 15(2), 87-94.
- Yahya Don, Azzizah Sarkowi & Yaakob Daud. (2014). *Pembentukan dan Peningkatan Kualiti Guru di Malaysia*. [Monograf Pendidikan]. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Zarima Mohd Zakria, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Fatimah Soin Yan Mei, Mohd Hilmi Abdullah & Saipolbahrin Rami. (2016). Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan (PPIK) Guru Bahasa Arab Sebutan Konsonan Arab: Kajian Kes di Sekolah Rendah.

Journal Global Busniess and Social Entrepreneurship, 2, 122-138.

- Zeti Yusmira binti Jaludin. (2014). *Penggunaan Kaedah Mnemonic Dengan Program Prezi bagi Meningkatkan Pencapaian Mata Pelajaran Fiqh*. [Tidak Diterbitkan]. Disertasi Sarjana Perguruan. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Zulina Ahmad Zawawi. (2015, Ogos 5-7). *Kajian Amalan Pengajaran Guru Pelatih Pendidikan Islam IPG Kampus Tawau*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan, di IPG Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur.
- Zulkifli Zakaria. (2014). *Media Pengajaran Dalam Pendidikan Islam. Bil. 8*. [Monograf Pendidikan Islam]. Negara Brunei Darusaalam: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.